

**PENGARUH URBANISASI DALAM NOVEL *CUCU TUK WALI*  
MELALUI PENDEKATAN KEMASYARAKATAN**  
**The Influence of Urbanization in the Novel *Cucu Tuk Wali*  
by Using Social Approach**

**Jumali Hj. Selamat**

Penyelaras Program Persatuan dan Latihan, Pusat Perkembangan Pelajar Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia,  
Tlp. (6-03) 8921-4687, Faks. (6-03) 8925-8431, Pos-el: jumali@ukm.my

(Makalah diterima tanggal 12 November 2010—Disetujui tanggal 9 Mei 2011)

**Abstrak:** Makalah ini menganalisis isu remaja dalam hubungannya dengan urbanisasi. Penelitian ini menumpukan kepada novel remaja *Cucu Tuk Wali* (1993) karya Abu Hassan Morad yang memaparkan gagasan pemikiran sastera dan kaitannya dengan kelompok masyarakat di luarnya. Apa yang dicitrakan dalam karya merupakan hakikat daripada realiti kehidupan manusia dalam masyarakatnya dan analisis ini mengaitkan gambaran dalam novel dengan pengaruh urbanisasi dalam bidang pertanian, perniagaan, dan pembangunan tanah. Aspek-aspek ini diteliti dengan tujuan melihat persoalan sosial yang terungkap dalam karya dengan realiti kehidupan masyarakat melalui pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan ini melihat sastera sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan dan kesejahteraan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Pendekatan ini menekankan bagaimana pengarang memaparkan segala permasalahan kehidupan manusia menerusi idea, ideologi, dan daya kreativiti yang disajikan menerusi karya.

**Kata-Kata Kunci:** urbanisasi, novel, remaja, masyarakat, realiti.

**Abstract:** This article analyzes the adolescence issues and their relationship with urbanization. This analysis focuses on an adolescence novel, *Cucu Tuk Wali* (1993), by Abu Hassan Morad which delivers the ideas of literary thinking and their relation with the community outside through the community approach. This approach views literature as a tool to reveal all questions regarding the well being and harmonies according to the practice of the Islam. This approach also emphasizes on how the writer exposed problems in human life through their ideas, ideologies and creativities.

**Key Words:** urbanization, novel, adolescence, society, reality.

#### **PENDAHULUAN**

Karya remaja merupakan salah satu bidang dalam kesusasteraan Melayu modern yang sedang menuju kemajuan dan pemantapannya seiring dengan karya-karya yang lain. Othman Puteh (1989:7) menjelaskan karya remaja ialah hasil karya kreatif yang ditulis oleh pengarang tanpa mengira batas usia, latar pendidikan, geografi, politik, ras, dan

kepercayaan, asalkan ianya berbakat dan berminat. Karyanya hendaklah mempunyai mesej yang jelas dan memberi visi serta berupaya mengasah dan mengasuh kecerdasan, mampu menterjemah dan menghayati nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan serta berupaya memberi contoh teladan kepada khlayak sasarannya.

Abdul Ahmad (1991:11) menjelaskan bagaimana pengarang memanipulasikan kesusasteraan supaya benar-benar menjadi sastera untuk remaja yang menepati konsep, ciri-ciri dan memiliki nilai 'rasa milik' (*sense of belonging*) di kalangan remaja. Nilai rasa milik dan cerminan aspirasi remaja dianggap sebagai sifat atau elemen yang penting dalam penghasilan karya novel remaja. Sementara, Rahman Shaari (1997:12) menegaskan karya yang dihasilkan untuk bacaan remaja dan penulisannya mudah difahami, ada keseimbangan antara tema, aspek-aspek teknikal, berunsur moral dan berestetika yang sesuai dengan kemampuan dan kehendak remaja. Tema, bahasa dan strukturnya dipadankan dengan minda remaja tanpa mengira sama ada wataknya remaja atau dewasa. Tumpuannya untuk memenuhi kehendak masyarakat dan negara melalui unsur pendidikan serta pembentukan moral dalam membina insan yang berkemampuan dan mempunyai semangat cintakan negara.

Manakala Shahnnon Ahmad (1999) menghuraikan karya yang ditujukan khusus untuk remaja dan dicipta oleh pengarang yang mempunyai kepakaran. Penulisan karya novel remaja itu amat rumit kerana memerlukan kepakaran baik dari segi ilmu, kreativiti dan sensitiviti hingga tidak membolehkan semua orang menulis dengan sewenang-wenangnya. Justeru, karya remaja ialah hasil kreatif imaginatif yang membicarakan tentang persoalan kemanusiaan dan kemasyarakatan, kepercayaan, budaya, politik dan ekonomi dalam kehidupan manusia yang sejajar dengan nilai dan aspirasi remaja. Penulisannya wajar menampilkan rasa milik dan komitmen remaja yang memberi informasi, pengetahuan, memperkaya pengalaman yang disulami dengan nilai-nilai positif dan murni. Penciptaannya tidak boleh dilakukan secara mudah tetapi memerlukan pengarang yang mempunyai kepakaran.

Apa yang dizahirkan dalam karya melalui watak dan perwatakan yang menggambarkan realiti kehidupan semasa atau masa lalu dengan jalinan plot dan jalan cerita yang lebih kompleks (*Encyclopedia Britannica*, 1965). Karya kebiasaannya menceritakan persoalan masyarakat yang menyentuh soal percintaan, perkahwinan, pengembaraan, mencari kekayaan yang disesuaikan dengan batasan persekitaran dan lingkungannya (Morner dan Rausch, 1991:148). Dalam *The New Webster's International Encyclopedia* (1996:783) dijelaskan novel adalah cereka prosa yang lebih panjang daripada cerita pendek dan *novella*. Oleh itu, melalui karya penulis akan menggarap persoalan kemanusiaan, amalan budaya dan permasalahan kehidupan dalam masyarakat berdasarkan aspirasi remaja dengan pemikiran yang kreatif dan kritis.

Melalui karya remaja cerminan sosial yang diungkapkan diperlihatkan dalam semua kegiatan atau aktiviti yang berkaitan dengan manusia dan kehidupannya. Ini termasuk hubungan manusia sesama manusia, hubungannya dengan alam, lingkungan serta persekitarannya yang berkait dengan soal pembangunan masyarakat. Azizan Bahari (1995:19) menegaskan pembangunan masyarakat adalah suatu proses meningkatkan taraf dan kualiti keseluruhan kehidupan manusia serta berusaha membebaskannya daripada pelbagai tekanan dan ancaman. Urbanisasi dalam masyarakat tidak diukur hanya berdasarkan pencapaian ekonomi, industri dan teknologi semata-mata, tetapi meliputi peningkatan kualiti dan nilai kehidupan sosial, budaya, pendidikan, alam sekitar serta aspek spiritual dan moral. Pengarang secara bijaksana mengadun penceritaan dengan menarik melalui watak dan perwatakan, tema dan persoalan, laras bahasa dan struktur ayat yang sesuai dengan kehidupan remaja.

Menyentuh soal pengaruh urbanisasi dalam sastera tentu sahaja akan melibatkan soal kehidupan masyarakat kerana setiap karya akan mendasari keperihalan kemanusiaan dan persekitarannya. Menurut Shahnun Ahmad (1994:17), pernyataan kemanusiaan yang berkisar dalam karya sastera sama ada pengarang, karya atau pembacanya merupakan sejarah manusia dengan segala peristiwa serta keperihalannya. Liku-liku penderitaan dan ketabahan turut dipaparkan oleh pengarang yang diadun melalui imaginasi dan kreativitinya agar menjadi contoh teladan kepada anak-anak muda untuk meneruskan kehidupan. Aspek ini digarap kerana ada kaitannya dengan arus kesedaran dalam diri pengarang yang mempunyai rasa keinsafan, kepekaan, keterlibatan dan simpati yang tinggi terhadap persekitaran dan lingkungan masyarakatnya (Isin, 1997:109). Dalam penelitian ini, pengaruh urbanisasi turut melihat proses kemajuan yang menggambarkan perubahan cara hidup dalam masyarakatnya.

## **TEORI**

Analisis ini menggunakan pendekatan kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dicetuskan oleh Hashim Awang. Ia diperkenalkan pada tahun 1989 yang berlandaskan semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karyanya sendiri. Teori ini dibahagikan kepada dua iaitu pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah mendasari cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya dan ia dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, moral dan firasat. Pengkaedahan Keagamaan pula dianalisis berasaskan kepada nilai keimanan dan ketakwaan yang bersemdikan akidah agama Islam dan

dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni.

Menerusi pendekatan kemasyarakatan sastera dianggap sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Pengarang menerusi karyanya turut memapar dan mendedahkan dengan jelas juga berani segala permasalahan kehidupan yang penuh dengan pergolakan serta kemungkaran seperti ketidakadilan, kemunafikan, ketidakseimbangan, keresahan, kekejaman, korupsi, kebimbangan, penipuan, penindasan, pembunuhan dan sebagainya yang menjadi punca kepincangan dan kegoyahan iman. Segala-galanya dilihat daripada kaca mata Islam untuk membezakan dengan tanggapan Barat.

Menurut Hashim Awang (1994a:13), pendekatan ini bukan sahaja berupaya mengukur atau menilai segala permasalahan masyarakat yang terpapar dalam karya, malahan menilai diri pengarang yang menyajikan karyanya menerusi paparan idea, ideologi dan daya kreativiti yang dilakukannya. Seterusnya, Hashim Awang (1994b:334) menegaskan penelitian ini bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup, pengukuhan iman, dan takwa kepada Allah. Tumpuannya kepada soal jalinan isi dan tema yang terarah kepada latar belakang pengarang untuk melihat sejauh mana sikap dan pandangan hidupnya selari dengan persoalan kebajikan masyarakat yang dipaparkan dalam karya. Penelitian ini berkait rapat dengan hal-hal seperti syariah, ibadat, moral, ekonomi, dan politik yang dilihat dari sudut pandangan Islam.

## **METODE**

Penghasilan karya merupakan luahan pemikiran pengarang tentang rencam kehidupan manusia dan persekitarannya yang diadun bersama pengalaman dan

dicetus melalui daya kreativiti dan imajinasinya. Setiap aspek yang terungkap mempunyai kepentingan dan mesejnya sendiri sebagaimana yang diinginkan oleh pengarang yang sensitif terhadap pergolakan dalam masyarakat dan alam sekelilingnya. Kaedah penelitian ini menggunakan analisis teks novel *Cucu Tuk Wali* untuk melihat cara dan sikap hidup yang menjadi amalan dalam kehidupan remaja seperti persoalan cinta, pelajaran, kasih sayang, pertentangan pendapat, kepercayaan karut dan gejala sosial.

Analisis ini bertujuan untuk melihat pengaruh urbanisasi yang dicetuskan pengarang menerusi gagasan pemikiran dalam sastera sebagai cerminan sosial yang ada kaitannya dengan kelompok masyarakat di luarnya. Bagaimanapun tidak semestinya semua persoalan dalam sebuah karya itu benar-benar sama dengan realiti dalam masyarakat. Umar Junus (1989:8) menjelaskan realiti yang digambarkan bukanlah sesuatu yang berdiri sendiri tetapi realiti bergantung kepada 'penglihatan' atau imajinasi pengarangnya yang akan menjadi lebih indah atau sebaliknya. Setiap karya yang bertanggungjawab akan berlandaskan aspek-aspek tertentu tentang keperihalan kemanusiaan, baik secara langsung mahupun secara tersirat dan berlapis maknanya (Shahnon Ahmad, 1994:17). Hubungan ini dapat memperkukuhkan unsur realiti dalam karya yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Seperti dijelaskan Elizabeth dan Tom Burns (1973:9), ini menunjukkan adanya hubungan karya dengan masyarakat di luarnya untuk memahami kehidupan manusia melalui pancaindera dan kematangan berfikir.

Oleh itu, penghasilan karya sastera adalah luahan fikiran pengarang tentang rencam kehidupan manusia dan persekitarannya yang diadun bersama pengalaman dan dicetus melalui daya kreativiti dan imajinasinya. Setiap aspek

yang terungkap dalam novel ini mempunyai kepentingan dan mesejnya sendiri sebagaimana yang diinginkan oleh pengarang yang sensitif terhadap pergolakan masyarakat dan alam sekelilingnya. Justeru, analisis ini dilakukan mendasari teks *Cucu Tuk Wali* yang melihat pengaruh urbanisasi yang menyentuh bidang pertanian, perniagaan dan pembangunan tanah menerusi pendekatan kemasyarakatan. Aspek ini turut melihat pengaruh urbanisasi yang menggambarkan perubahan cara hidup daripada susah kepada senang, daripada pemikiran negatif kepada positif dan daripada penggunaan peralatan tradisional kepada moden. Aspek-aspek ini diteliti untuk melihat pengutaraan persoalan sosial yang terungkap dapat menemukan pengaruh urbanisasi dalam karya.

## **HASIL DAN PEMBAHASAN**

Novel *Cucu Tuk Wali* karya Abu Hassan Morad (1993) ialah pemenang hadiah pertama Peraduan Menulis Novel Remaja anjuran bersama Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI) dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Menerusi novel ini pengarang memaparkan kisah menarik seorang remaja wanita bernama Liza dianggap sebagai agen pembangunan masyarakat desa yang memiliki sifat dedikasi, cekal dan gigih dalam mengharungi kehidupan. Persoalan hidup masyarakat yang penuh dengan segala macam pergolakan dicampur dengan unsur percintaan, agama, budaya dan nilai-nilai positif menjadi novel ini amat menarik untuk dinikmati oleh golongan remaja. Akhirnya Liza berjaya menerapkan pentingnya usaha yang ber-sungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dan meneruskan kehidupan dalam masyarakat. Liza digambarkan sebagai remaja yang ideal, mempunyai kesungguhan dan keazamannya yang tinggi serta menjadi idola kepada anak remaja kampungnya.

Persoalan yang mengaitkan pengaruh urbanisasi dalam masyarakat sama ada di kampung atau di bandar merangsang jiwa pengarang untuk sama-sama berusaha menonjolkan tentang kehidupan masyarakat dan bangsanya. Persoalan kekayaan dan kemiskinan yang bersifat sejagat yang tidak terpisah daripada kehidupan masyarakat turut digarap melalui adunan cerita yang mengugah perasaan dan jiwa pembacanya. Fenomena kemiskinan di luar bandar dan kawasan pedalaman telah banyak dibincangkan oleh sarjana tempatan dan luar negara (Mohd. Razali Agus, 1993:8). Permasalahan kemiskinan sejagat yang menyentuh kehidupan manusia dan persekitarannya telah banyak digarap oleh pengarang sejak dahulu yang turut membicarakan kehidupan masyarakat bandar, pinggir bandar dan kampung yang terpaksa bergelut dengan pelbagai permasalahan dan kemiskinan.

Menerusi penceritaan, gagasan pemikiran dan keaktiviti pengarang pengaruh urbanisasi yang digambarkan melalui watak dan perwatakan yang memperlihatkan kehidupan sosial dalam masyarakatnya. Menurut Shahnnon Ahmad (1994:35—36) pengarang yang tajam daya sensitivitinya sama ada melalui komunikasi, mimpi, khayalan, perubahan, latar yang berfungsi, sejarah, futuristik atau asosiasi sahaja yang dapat meneruskan penciptaan dengan makna-makna kemanusiaan yang sebenar. Berdasarkan hakikat ini, pengarang merasa terlibat terhadap perkara-perkara yang berlaku dalam masyarakat di sekelilingnya. Melalui tanggapan dan pemikirannya, pengarang turut mencungkil dan memaparkan pelbagai persoalan yang menjadi nadi dalam kehidupan seharian. Persoalan yang dibicarakan ini merangkumi pelbagai pengaruh urbanisasi yang dijalankan oleh anggota masyarakat dalam kehidupan seharian melalui kegiatan pertanian, perniagaan, dan pembangunan tanah.

### **Pertanian**

Pengaruh urbanisasi dalam bidang pertanian menjadi satu elemen yang turut digarap oleh pengarang dalam berkarya sama ada secara sedar atau sebaliknya. Penggarapan bidang pertanian tidak pernah luput daripada imaginasi pengarang kerana kegiatan ini menjadi sumber pendapatan utama bagi penduduk tempatan terutama yang tinggal di kampung-kampung dan kawasan pedalaman. Kegiatan pertanian telah menjadi aktiviti warisan sejak zaman berzaman masih terlihat dalam kehidupan masyarakat kampung sehingga kini. Menurut Jakob Sumardjo (1984:2) untuk mendapatkan rezeki boleh sahaja dilakukan sama ada melalui bertani, berdagang, menjadi pegawai, atau sebagainya. Dalam penelitian ini, bidang pertanian yang dibicarakan merangkumi kegiatan bersawah, bertani, dan berternak.

Menerusi teks *Cucu Tuk Wali* digambarkan kegiatan penduduk Kampung Sentosa dan kawasan sekitarnya yang masih mengamalkan pertanian bersawah sebagai punca pendapatan di samping kegiatan pertanian yang lain. Melalui kegiatan pertanian penduduk kampung dapat menjana ekomomi sara diri yang menjadi sumber pendapatan keluarga masih menjadi idea pengarang yang sensitif dengan senario kehidupan masyarakatnya. Mohamad Daud Mohamad (1988:33) menjelaskan kesemua rakaman peristiwa yang digarap mengarah kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat. Mereka sebenarnya bertanggung jawab menyuarkan rasa hati tentang keperihalan dan pergolakan yang berlaku dalam masyarakat dengan jelas melalui penulisan kreatif imaginatif (Hashim Awang, 1989:63). Mereka masih mengamalkan cara tradisional iaitu memupuk semangat bekerja sama, bermuafakat dan bergotong-royong untuk berubah dalam meningkatkan kualiti dan nilai

hidup masyarakat Kampung Sentosa. Rakaman ini terpapar seperti dalam petikan berikut.

Masing-masing sibuk menanam anak padi ke dalam lumpur. Kuku kambing digunakan. Liza teragak-agak. Masih tidak mahir. Kadangkala dirasanya lebih cepat kalau tidak menggunakan kuku kambing apabila menanam. ...Jadi terpaksa merangkak-rangkak Liza menggunakan kuku kambing. (Morad, 1993:2)

Kegiatan pertanian yang dijalankan oleh penduduk Kampung Sentosa dan kawasan sekitarnya turut mengalami perubahan. Pengaruh ini dapat dilihat seperti kata Leha. “Orang kampung ini perlu kita bela. Mereka sudah lama menderita. Membuat bendang pun tidak dapat apa. Tauke Chong dan Lim juga yang mengasak mereka dengan sewa traktor, mesin padi, dan lori naik setiap tahun (Morad, 1993:109)”. Perubahan ini dapat dilihat dari segi penggunaan peralatan daripada tradisional kepada moden. Paparan ini menggambarkan pengaruh urbanisasi yang melibatkan daripada penggunaan peralatan tradisional bertukar kepada yang lebih moden termasuk mesin pembajak, mesin menuai, dan pengangkutan.

Pemikiran yang mengetengahkan pertanian perladangan turut disentuh pengarang yang memaparkan kegigihan Liza mengusahakan projek tanaman tembikai secara komersil. Usahanya mendapat sokongan daripada rakan-rakan belia yang lain iaitu Lehha, Mariam, Budin, Leman, dan lain-lain. Menerusi pemikiran Liza dan rakan-rakan, pengaruh urbanisasi terpancar menerusi kesanggupan Liza dan anak-anak muda kampung berubah daripada duduk membuang masa kepada sanggup mengusahakan tanah penduduk kampung yang terbiar secara sistematik. “Kemudian barulah dibajak dengan traktor persatuan. Dan sekarang menunggu masa untuk ditanam dengan tembikai (Morad, 1993:76)”.

Paparan ini menggambarkan kegiatan pertanian yang dijalankan secara perladangan atau komersil masih memerlukan kerja sama, kekuatan fizikal, mental, modal, dan kemahiran pengurusan untuk berjaya. Di samping kekentalan semangat, kegigihan, kesungguhan, dedikasi, dan kecekalan turut diperlukan untuk menghadapi segala rintangan dan cabaran. Usaha yang dilakukan oleh Liza selari dengan pandangan Mohamad Daud Mohamad (1988:33) yang mengatakan rakaman yang dizahirkan melalui karya adalah hasil daripada penulis yang bertanggung jawab terhadap kehidupan masyarakatnya.

Pengaruh urbanisasi dari aspek moral dapat dilihat menerusi bidang pertanian yang menggambarkan semangat ingin bersatu padu di kalangan anak-anak muda Kampung Sentosa untuk bersama-sama terlibat setelah sekian lama mementingkan diri sendiri dan saling menyalahkan antara satu sama lain. Pemilihan projek menternak arnab yang diusahakan oleh Liza dan rakan-rakannya adalah keputusan bersama yang diputuskan dalam mesyuarat. Untuk memperkuatkan pendapatnya, hujah Liza dapat dilihat seperti petikan berikut.

“Saudara pengerusi. Mengikut teori ekonomi, setiap barang yang beredar dalam pasaran ada pelanggannya. Tambahan kalau barang baru, pengguna pasti mahu mencubanya. Lagipun daging arnab lebih sedap dan proses memeliharanya lebih mudah. Tak banyak kerenah seperti ayam. Kalau lebih umur, dah jatuh harganya. Cuma kita perlu sedikit publisiti,” terang Liza... (Morad, 1993:26)

Keputusan ini diambil kerana promosi secara besar-besaran tentang khasiat dan keenakan daging arnab telah dijalankan oleh kerajaan. Pihak kerajaan juga memberi galakan supaya ternakan arnab diusahakan secara komersil. Seperti kata Kak Yan, kita tidak perlu

bimbang. “Menteri sendiri sedang kempen makan daging arnab (hlm. 26)”. Akhirnya, usaha Liza bersama rakan-rakan memperoleh kejayaan yang membarangsangkan sehingga pihak persatuan mengambil Fadli menjadi pengurus pemasaran sepenuh masa. “Tugasnya luas dan mencabar. Dia bukan sahaja perlu menjaga dengan baik tetapi juga soal pemasaran. Buat masa ini dia tidak menghadapi masalah kerana jualan dibuat terus dengan pejabat pertanian daerah dan dibantu oleh FAMA (Morad, 1993:115)”.

Ini menunjukkan pengaruh urbanisasi dalam bidang pertanian begitu sinonim dengan corak kehidupan masyarakat kampung yang sering dikaitkan dengan pelbagai kegiatan pertanian sebagai sara diri dan sumber pendapatan. Kebanyakan kegiatan yang diceburi, disusuli dengan semangat gotong-royong, bekerja sama, bertanggung jawab, dedikasi, dan tidak berputus asa terhadap usaha yang dijalankan. Sifat-sifat ini amat sesuai dengan firman Allah dalam surah Yusuf ayat:87 yang bermaksud, “sesungguhnya tiada sifat berputus asa daripada rahmat Allah, melainkan kaum yang kafir” (Hasbi Ashshiddiqi et. al., 1992:362). Ayat ini, menjelaskan bahawa Allah mengingatkan sifat berputus asa bukanlah sifat bagi orang mukmin tetapi merupakan sifat golongan kafir. Maka, setiap mukmin dituntut agar sentiasa mengharapkan rahmat Allah dalam apa juga keadaan sekalipun (Abdul Rashid Ahmad, 2000:16). Pengaruh urbanisasi yang dipaparkan dalam karya mampu mengubah persepsi dan corak kehidupan masyarakat yang mengarah kepada kebaikan dan kesempurnaan hidup melalui kegiatan pertanian yang menjanjikan masa depan lebih cemerlang. Paparan ini selari dengan pendekatan kemasyarakatan yang mengatakan karya sebagai alat pendedahan kepada persoalan persekitaran yang bertujuan mencari kebaikan yang boleh dijadikan teladan dan

sempadan dalam kehidupan manusia seperti dituntut oleh Islam.

### **Perniagaan**

Pengaruh urbanisasi dalam bidang perniagaan turut menjadi sentuhan pengarang dalam karyanya tetapi secara sampingan sahaja. Melalui analisis ini, pengarang memaparkan kegiatan perniagaan yang dijalankan di kampung secara kecil-kecilan dan lama kelamaan semakin membesar. Perniagaan secara kecil-kecilan menjadi penting dalam kehidupan masyarakat setempat kerana di sinilah letaknya nadi ekonomi yang menjadi pengantara penduduk kampung yang tinggal jauh dari bandar untuk mendapatkan barang keperluan. Sifat bijaksana, berpengetahuan dan berkemahiran mengurus menjadi kunci kejayaan dalam perniagaan. Islam menggalakkan umatnya berniaga kerana bidang perniagaan merupakan sunnah Rasulullah dan sembilan daripada sepuluh rezeki itu datangnya daripada perniagaan.

Menerusi novel ini, pengarang mengetengahkan watak Chong dan Lim yang menjadi orang harapan penduduk Kampung Sentosa. Mereka memulakan perniagaan kedai runcit secara kecil-kecilan yang kemudiannya menjadi tokoh penting bagi penduduk di kawasan sekitarnya. Mereka sanggup memberi kemudahan hutang di kedai runcitnya berdasarkan sifat saling mempercayai dan mahu membantu masyarakat kampung. Daripada perniagaan kedai runcit kini Chong dan Lim sudah mampu menyediakan kemudahan traktor membajak sawah, mesin padi dan pengangkutan dengan harga yang perpatutan untuk penduduk kampung. Kemudahan ini memperlihatkan pengaruh urbanisasi digarap secara tidak langsung oleh pengarang. Walaupun pelbagai kemudahan disediakan tetapi tidak semua orang mampu untuk menggunakannya kerana kosnya yang tinggi. Ramai penduduk Kampung Sentosa yang terpaksa

menanggung hutang. Seperti kata Leha, orang kampung ini perlu kita bela. “Mereka sudah lama menderita dan membuat bendang pun tidak mendapat untung. Tauke Chong dan Lim juga yang mengasak mereka dengan sewa traktor, mesin padi dan lori naik setiap tahun (hlm.109)”. Akhirnya, banyak tanah yang tergadai dan berpindah tangan, seperti kata Azhar berikut.

“Yalah yang makin gemuk, makin berkuasa ialah Si Tauke Chong dan Lim tu. Dah berapa banyak tanah orang kampung jadi miliknya. Dan segala-galanya orang bergantung kepadanya. Itu hari ni, sepuluh tahun lagi entah-entah habis tanah-tanah di sini jadi milik dia...!” terang Azhar... (Morad, 1993:119)

Melalui analisis ini didapati aktiviti perniagaan yang diketengahkan pengarang dalam karya bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi pengalaman di samping mendidik remaja supaya mengenali aktiviti perniagaan sebagai suatu bidang yang menghasilkan pulangan lumayan. Bagaimanapun setiap usaha yang dijalankan memerlukan kegigihan, ketekunan, dan keazaman yang tinggi disertai dengan sifat kejujuran, keikhlasan, dan keimanan yang menjadi faktor utama kejayaan. Adalah menjadi kewajipan setiap pengusaha dan peniaga yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan sama ada besar atau kecil supaya mengamalkan sikap amanah dalam perniagaan. Paparan ini menggambarkan bidang perniagaan bukan hanya mencari kesejahteraan hidup tetapi juga untuk membantu orang lain. Melalui pendekatan ini menegaskan bahawa segala peristiwa yang dipaparkan mampu mendedahkan dengan jelas tentang kehidupan yang boleh menjadi contoh teladan kepada khalayak remaja untuk terus menghadapi kehidupan yang semakin rencam.

### **Pembangunan Tanah**

Salah satu usaha meningkatkan taraf kehidupan rakyat ialah melalui pembangunan tanah. Soal pembangunan tanah banyak diperkatakan oleh pengarang yang cukup sensitif dengan isu-isu pembangunan. Mereka turut terlibat di samping berusaha menjayakan matlamat dan objektif pembangunan negara. Menerusi novel ini dipaparkan persoalan pembangunan tanah yang melibatkan kegiatan pertanian yang diusahakan oleh Liza dan rakan-rakan belia di kawasan tanah terbiar penduduk kampung. Sebelum ini tiada inisiatif dijalankan untuk memajukan kawasan tanah yang dibiarkan kosong dengan aktiviti pertanian. Segala usaha murni yang disertai dengan semangat bekerja sama, keikhlasan, dan kesungguhan untuk membangunkan tanah oleh Liza dan rakan-rakannya akhirnya membawa kejayaan. Semangat dan usaha Liza bersama Cikgu Aman, Budin, Leman, Leha, Miah dan Mariam dapat dilihat dalam petikan berikut.

Tanah itu sudah dicerahkan. Cikgu Aman yang usahakannya. Sepetang sahaja kaum belia menebas, sudah cerah. ...Dan sekarang menunggu masa untuk ditanam dengan tembikai. Alangkah senangnya Liza apabila melihat keadaan tanah itu. Cuma dia perlu memagarnya, membuat lubang dan kemudian menanam biji benih. (Morad, 1993:76)

Sebagai seorang jawatan kuasa Persatuan Belia Sinar Mulia Kampung Sentosa, Liza berpendapat persatuan belia hari ini harus lebih berdaya maju dengan melibatkan diri dalam bidang pelbagai bidang seperti ekonomi, perniagaan, hubungan antarabangsa, dan terlibat dalam politik sebagai usaha melahirkan generasi pelapis. Perubahan pemikiran ini memperlihatkan pengaruh urbanisasi telah mula meresap dalam diri anak-anak muda kampung. Perubahan ini menekankan nilai kebersamaan dan menyedarkan setiap orang mempunyai

kepakaran dan kemampuan masing-masing untuk menyumbang ke arah kejayaan, seperti katanya berikut.

“Nah cuba tengok siapa yang menjayakan projek tembikai, projek arnab, projek simpanan, projek kelas fardhu ain dsn projek tanaman padi kita... siapa?”...“Kalianlah yang menjayakannya. Bukan saya! Saya hanya memastikan segala-galanya berjalan... Jadi sebenarnya kejayaan ini adalah milik bersama. Jadi tak timbul saya ada atau tak ada. Yang penting usaha murni itu kita teruskan...” (Morad, 1993:151)

Daripada analisis ini, persoalan mengusahakan tanah dengan pelbagai aktiviti secara komersil turut menjadi sebahagian ilham dan tanggapan pengarang untuk menyatakan soal pembangunan tanah. Soal pembangunan sama ada pembangunan tanah atau soal kehidupan manusia seluruhnya bukan sahaja terletak di tangan pihak kerajaan tetapi juga menjadi kewajipan dan tanggung jawab setiap anggota masyarakat. Persoalan ini menjadi tanggungjawab pengarang melalui karya yang bersifat kreatif imaginatif untuk terlibat sama dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan masyarakatnya yang sekaligus menyemarakkan pembangunan negara. Situasi ini menyerlahkan pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang bersifat negatif kepada positif boleh menjadi contoh dan teladan serta cermin perbandingan kepada golongan remaja seluruhnya.

## **SIMPULAN**

Secara umumnya, novel *Cucu Tuk Wali* memperlihatkan adanya pengaruh urbanisasi yang menyentuh aspek pertanian, perniagaan, dan pembangunan tanah. Senario ini menunjukkan novel remaja mampu menjadi alat pendidikan yang menimbulkan kesedaran terhadap pengaruh urbanisasi dalam karya. Unsur ini telah digarap oleh pengarang dalam karya sama ada secara langsung atau sebaliknya

untuk memberi pengetahuan dan pengalaman yang bermakna dalam kehidupan remaja. Aspek pertanian merangkumi kegiatan seperti bersawah, bertani, dan berternak digarap untuk keperluan sara diri dan mempertingkatkan sumber pendapatan. Paparan ini mengatakan bahawa karya sebagai alat pendedahan yang bertujuan mencari kebaikan dalam kehidupan manusia seperti dituntut oleh Islam. Aspek perniagaan merujuk kepada perniagaan secara kecil-kecilan yang dijalankan dalam kampung bertujuan untuk membantu masyarakat kampung mendapatkan bekalan bagi keperluan harian. Sementara, perniagaan besar memerlukan modal besar dan komitmen tinggi untuk menambah pendapatan dan keuntungan di samping membantu masyarakat. Gambaran ini menegaskan bahawa segala peristiwa yang dipaparkan mampu mendedahkan dengan jelas tentang kehidupan yang boleh menjadi contoh teladan kepada khalayak remaja. Aspek pembangunan tanah yang diketengahkan bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat melalui kegiatan pertanian dan berternak bagi meningkatkan pendapat masyarakat kampung yang semakin terdedah dengan kehidupan di bandar. Situasi ini menyerlahkan pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang bersifat positif dan negatif serta menjadi contoh teladan dan cermin perbandingan kepada golongan remaja. Pengaruh urbanisasi memang wujud dalam novel ini yang dizahirkan secara langsung mahupun mempunyai makna yang tersirat oleh pengarang yang cukup sensitif dengan kehidupan remaja. Akhirnya, melalui pendekatan ini memperlihatkan pengaruh urbanisasi dalam kehidupan dan hubungan antara remaja dengan remaja, dengan orang yang lain dan lingkungannya serta alam persekitarannya yang sukar dipisahkan, bahkan hubungan ini saling melengkapi antara satu sama lain.

## DAFTAR PUSTAKA

- Agus, Mohd. Razali. 1993. "Kemiskinan di Kuala Lumpur". *Dewan Masyarakat*, April: 8—16.
- Ahmad, Abdul. 1991. "Sastera Remaja Antara Ciri dan Fungsi." *Dewan Sastera*, Julai: 10—13.
- Ahmad, Abdul Rashid. 2000. "Putus Asa Bukan Sifat Orang Mukmin". *Berita Minggu* 19 Mac:16.
- Ahmad, Shahnon. 1999. *Sasterawan Negara*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Temubual pada 12 Mac.
- Ahmad, Shahnon. 1994. *Sastera: Pengalaman, Ilmu, Imajinasi dan Kitarrannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashshiddiqi, Hasbi et. al. 1992. *Al-Quran dan Terjemahannya*. Medinah: Kadim al-Harramah Departmen Haji dan Wakaf Saudi Arabia.
- Awang, Hashim. 1989. "Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu." *Dewan Sastera*, Disember: 60—63.
- Bahari, Azizan. 1995. *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Elizabeth dan Tom Burns. 1973. *Sociology of Literature and Drama*. Middlesex: Penguin Education.
- Encyclopedia Britannica. Volume 16. 1965. Chicago: William Benton Publisher.
- Harkavy, Michael D. Peny. 1996. *The Webster's International Encyclopedia*. Florida : Trident Press International.
- Isin, Ramli. 1997. *Novel Melayu Mutaakhir: Tema dan Persoalan Karya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Junus, Umar. 1989. *Sosiologi Sastera: Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junus, Umar. 1992. *Fiksiyen dan Sejarah: Suatu Dialog*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad, Mohamad Daud. 1988. "Antara Imajinasi dan Realiti Imajinatif." *Dewan Sastera*, Oktober: 33—36.
- Morad, Abu Hassan. 1993. *Cucu Tuk Wali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morner, Katheleen dan Rausch, Ralph. 1991. *NTC's Dictionary of Literary Terms*. Illinois: National Textbook.
- Othman Puteh. 1989. *Sastera Remaja Ditinjau Daripada Beberapa Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaari, Rahman.1993. *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaari, Rahman.1997. "Sastera Remaja dalam Pendidikan." *Dewan Sastera*, September: 12—15
- Selamat, Jumali Hj. 1997. "Novel-novel Remaja: Satu Analisis Aspek Sosial." *Projek Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Selamat, Jumali Hj. 2001. "Cerminan Sosial dan Nilai Murni Dalam Novel Remaja". *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Putra Malaysia.
- Selamat, Jumali Hj., Khaidzir Hj. Ismail, Shahrudin Ahmad, dan Noriah Mohd. Ishak. 2010. *Pembinaan Sahsiah Remaja: Proses dan Perkembangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Sumardjo, Jakob. 1984. *Memahami Kesusastraan*. Bandung: Penerbit Alumni.